

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau
disiarkan di mana-mana platform media
sosial sebelum jam 2 petang pada 13
Mac 2024



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



Untuk Terbitan
Media 13 Mac 2024

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT) DAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA) BEKERJASAMA TAJA 50,000 PEMANDU TEKSI, KERETA SEWA DAN BAS SEKOLAH MELALUI SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS)

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengangkutan (MOT) hari ini mengumumkan inisiatif berbentuk tajaan caruman penuh melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) kepada individu yang bekerja sendiri sebagai pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah. Tajaan ini akan melibatkan 35,000 pemandu teksi dan kereta sewa serta 15,000 mereka yang bekerja sendiri sebagai pemandu bas sekolah.

Pengumuman inisiatif percuma ini adalah langkah susulan selepas pengumuman Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2024 Malaysia Madani yang menaikkan tajaan caruman SKSPS melalui PERKESO kepada 80 peratus kepada 90 peratus.

"Berikutan itu, MOT telah mengusahakan inisiatif bagi menaja baki 10 peratus caruman untuk pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah melalui penjualan Nombor Pendaftaran Istimewa 'GOLD' di mana hasilnya, sejumlah RM1.165 juta akan dimanfaatkan kepada 50,000 individu yang bekerja dalam sektor tradisional seperti yang diperjelaskan tadi," kata Loke Siew Fook.

SKSPS ini memberi perlindungan kepada mereka yang layak mencarum merangkumi 20 sektor yang bekerja sendiri secara informal. Skim ini juga mampu memberi perlindungan daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong juga memaklumkan menerusi inisiatif di bawah skim ini, individu yang bekerja di sektor informal hanya perlu membayar baki sebanyak 10 peratus ataupun RM23.30 bagi perlindungan selama dua belas bulan dari tarikh mula mencarum dan mereka ini akan layak mendapat faedah tunai termasuk tanggungannya di samping penyediaan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Suku Ketiga 2023, seramai 2.98 juta rakyat Malaysia bekerja sendiri namun hasil semakan rekod caruman SKSPS setakat 3 Mac 2024 mendapati, hanya 14.56 peratus bersamaan 433,881 pencarum aktif bagi individu bekerja sendiri direkodkan PERKESO.

Daripada jumlah pencarum yang sedia ada, sebanyak 11,139 kes tuntutan faedah oleh pencarum bawah SKSPS direkodkan bagi tempoh 2022 sehingga 3 Mac 2024 dengan keseluruhan bayaran faedah PERKESO mencecah RM51.8 juta bagi tempoh yang sama.

Steven Sim juga berkata, bayaran faedah ini adalah bukti bahawa skim ini mampu berfungsi sebagai jaringan keselamatan sosial yang baik serta menjamin kebajikan pencarum seandainya ditimpa kemalangan ataupun bencana.

Inisiatif caruman penuh perlindungan SKSPS adalah hasil kerjasama antara Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Sumber Manusia untuk pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah bagi memperkasa nilai ihsan serta kesejahteraan rakyat yang merupakan salah satu tonggak pembangunan Malaysia Madani.

Antara yang turut hadir pada majlis hari ini adalah Ketua Setiausaha KESUMA, Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud, Ketua Setiausaha MOT, Dato' Jana Santhiran Muniayan, Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

Kementerian Sumber Manusia melalui agensinya PERKESO yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, badan berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal

Korporat 13 Mac 2024

Untuk pertanyaan media, sila

hubungi: Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my